

## Praktis Tatabahasa

A. Nyatakan (BETUL) atau (SALAH) pada ayat-ayat di bawah ini.

|   |                                                                             |  |
|---|-----------------------------------------------------------------------------|--|
| 1 | Hotel yang berkonsepkan dengan alam semula jadi itu sangat unik.            |  |
| 2 | Sektor pelancongan amat penting untuk pembangunan ekonomi negara.           |  |
| 3 | Tan Sri Adenan tidak berasal daripada keluarga yang kaya.                   |  |
| 4 | Kejadian tumpahan minyak telah menjejaskan kehidupan akuatik di pantai itu. |  |
| 5 | Setengah pemimpin tidak menjalankan tanggungjawab dengan amanahnya.         |  |

B. Susun perkataan dan rangkai kata di bawah ini untuk membina ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan, dan ayat perintah dengan betul.

|   |          |         |              |
|---|----------|---------|--------------|
| 1 | apakah   | kesan   | alam sekitar |
|   | terhadap | terbuka | pembakaran   |

|   |        |           |     |
|---|--------|-----------|-----|
| 2 | sungai | jernihnya | wah |
|   | air    | ini!      |     |

|   |            |          |             |
|---|------------|----------|-------------|
| 3 | menjaga    | sentiasa | Encik Hasni |
|   | bawahannya | orang    | kebajikan   |

|   |         |             |       |
|---|---------|-------------|-------|
| 4 | kalian  | pantai      | harap |
|   | tidak   | mengotorkan | ini   |
|   | kawasan |             |       |



### Revisi Pantas

- Ayat mesti terdiri daripada subjek dan predikat.
- Ayat yang tidak mempunyai subjek dan predikat dikatakan sebagai ayat tergantung atau ayat yang tidak lengkap.
- Contoh:

|   |                                                    |
|---|----------------------------------------------------|
| X | Sedang membersihkan kawasan kediaman.              |
| ✓ | Mereka sedang membersihkan kawasan kediaman.       |
| X | Kumpulan remaja itu.                               |
| ✓ | Kumpulan remaja itu menyertai kempen alam sekitar. |

- Dalam bentuk tulisan, kata tanya untuk ayat tanya dengan kata tanya tidak boleh diletakkan pada akhir ayat.
- Contoh:

|   |                                                |
|---|------------------------------------------------|
| X | Mereka berkumpul di tepi sungai mengapakah?    |
| ✓ | Mengapakah mereka berkumpul di tepi sungai?    |
| X | Kempen kitar semula itu akan diadakan bilakah? |
| ✓ | Bilakah kempen kitar semula itu akan diadakan? |